# BAB 2 : PENINGKATAN TAMADUN

## LATAR BELAKANG TAMADUN [ms38]

### Tamadun Yunani

1. **Sem. Greece-** Tamadun Yunani berkembang di Semenanjung Greece dan pulau-pulau sekitarnya yang dikelilingi oleh Laut Aegean dan Laut Mediterranean
2. **Polis-** bermula dengan pembentukan petempatan tamadun manusia yang dikenali sebagai negara kota atau polis
3. **Gabungan-** negara kota terbentuk hasil gabungan beberapa buah kampung dan bandar
4. **Pertanian-** setiap negara kota mengandungi sebuah kota yang dikelilingi oleh kawasan pertanian dan di dalam kota terdapat pasar, kubu, kuil dan istana
5. **Menonjol-** negara kota yang menonjol ialah Athens, Sparta dan Corinth
6. **Tersendiri –** setiap negara kota memiliki corak pemerintahan dan undang-undang tersendiri dan memiliki beberapa tuhan
7. **Bersatu-** masyarakat dalam setiap negara kota sentiasa bersatu padu
8. **Perang-** walaupun begitu, peperangan sering berlaku antara negara kota

### Tamadun China

1. **Hwang Ho-** terletak di Lembag Hwang Ho
2. **Dinasti Chin-** bermula dengan Dinasti Chin
3. **Shih Huang Ti-** Shih Huang Ti adalah pengasas Dinasti Chin
4. **Empayar-** jajahan takluknya luas sehingga membentuk empayar
5. **Vietnam-** empayar sangat luas sehingga ke Sungai Merah di Vietnam
6. **Disatukan-** jajahan takluk disatukan dibawah pentadbiran pusat.

### Tamadun Rom

1. **Bukit Palatine-** lahir di kawasan Bukit Palatine
2. **Latin-** didiami oleh masyarakat Latin
3. **Ramolus-** lembah ini menjadi penting semasa pemerintahan Romulus,
4. **Majlis Perbandaran-** diwujudkan majlis perbandaran di setiap bandar
5. **Pentadbiran-** pentadbirannya tidak diganggu oleh pentadbiran pusat Rom
6. **Terancang-** pembinaan bandarnya terancang dengan pelbagai kemudahan
7. **Pompei-** Pompei merupakan Bandar contoh yang mempunyai kemudahan pejabat, perpustakaan, rumah ibadat, kedai, pintu gerbang dan colloseum.
8. **Saliran-** sistem saliran bawah tanah yang menyalurkan air melalui paip
9. **Kegunaan-** untuk kegunaan penduduk, perindustrian dan pengangkutan

### Tamadun India

1. **Aryan-** orang Aryan membawa satu budaya dan tahap baru kepada masyarakat Lembah Indus
2. **Zaman Vedik-** dikenali sebagai Zaman Vedik sempena kelahiran kitab-kitan Veda
3. **Hindu-** permulaan kehidupan beagama dengan lahirnya agama HIndu
4. **Lembah Ganges-** perhatian masyarakat beralih ke Lembah Ganges
5. **Raja-** terdapat golongan pemerintah yang terdiri daripada golongan raja
6. **Janapada-** terdapat 2 bentuk kerajaan iaitu janapada (kerajaan kecil) dan
7. **Mahajanapda-** mahajanapada (kerajaan besar)
8. **Chandragupta-** Chandragupta Maurya menyatukan kerajaan-kerajaan kecil ini
9. **Dinasti Maurya-** Dinasti Maurya menyatukan seluruh India utara
10. **Asoka-** kemuncak kegemilangan semasa pemerintahan Asoka.

| ASPEK-ASPEK PENINGKATAN TAMADUN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **CIRI-CIRI** | **TAMADUN YUNANI** | **TAMADUN ROM** | **TAMADUN INDIA** | **TAMADUN CHINA** |
| **1. PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN [MS42]** | **1. <u>Monarki-</u>** sistem beraja<br>**Dibantu-** raja dibantu oleh konsul<br>**Peranan Raja-** ketua hakim, ketua tentera dan ketua agama<br>**Raja dipilih-** kuasanya sangat terhad<br>**2. <u>Oligarki-</u>** sistem pemerintahan oleh beberapa orang konsul<br>**Kuat-** lahir golongan aristokrat yang kuat<br>**3<u>. Aristokrasi</u>-** pemerintahan oleh golongan aristokrat<br>**Rampasan kuasa-** oleh golongan yang menuntut hak<br>**<u>4. Tirani/diktator</u>**<br>**Diktator**- golongan kaya atau tentera<br>**Ditentang**- ditentang oleh golongan aristokrat<br>**<u>5. Demokrasi</u>**<br>**Dewan**- terdapat Dewan Perhimpunan dan Majlis<br>**Lelaki**- semua warganegara lelaki Athens berpeluang menkadi anggota Dewan Perhimpunan selama 6 bulan - setahun<br>**Bersidang-** 3 kali sebulan<br>**Majlis-** mengendalikan keputusan Dewan<br>**Dilantik-** Dewan melantik ahli Majlis, Majistret dan Juri<br>**Kuasa penuh-** Dewan mempunyai kuasa penuh terhadap ketiga-tiganya.<br>**<u>Sparta-</u>** mengamalkan sistem pemerintahan tentera<br>**Pertahanan-** diberi perhatian penting<br>**Anak lelaki-** dilatih jadi tentera | **<u>1. Sistem beraja</u>**<br>**Etruscan-** raja-raja berketurunan Etruscan memerintah secara mutlak<br>**Patrician**- golongan bangsawan yang memberontak dan membentuk sebuah republik<br>**<u>2. Republik</u>**-tiada pemerintah berkuasa mutlak<br>**Dua konsul**- kuasa tertinggi yang dilantik oleh Dewan Senat<br>**Dewan Senat**- membantu konsul yang terdiri daripada golongan bangsawan<br>**Praeotor-** pemerintah tentera<br>**Dewan Perhimpunan**- diwakili oleh semua rakyat Rom<br>**Diluluskan**- Dewan Perhimpunan meluluskan keputusan Dewan Senat<br>**<u>3. Julius Caesar</u>**- mencapai taraf empayar<br>**Kuasa-** meluaskan kuasa ke Macedonia, Yunani, Syam, Mesir, Perancis, Brittania dan Jerman<br>**Empayar-** membentuk system pentadbiran berpusat<br>**Penyatuan-** menyatukan wilayah-wilayah kecil<br>**Diktator-** menamatkan sistem republik dan menjadi diktator<br>**Maharaja-** menggunakan gelaran maharaja<br>**<u>4. Augustus-</u>** diteruskan oeh Augustus<br>**Keamanan-** Berjaya membawa keamanan dan keagungan<br>**Pax Romana**- (Keamanan Rom) iaitu zaman kegemilangan<br>**3 Benua-** pelbagai bangsa dalam 3 benua iaitu Asia, Afrika dan Eropah. | **1. Kerajaan kec**il- bersifat kepuakan dan tidak mempunyai raja<br>**2. Kerajaan besar**- diketuai oeh raja seperti kerajaa Kashi, Kosala dan Magadha<br>**3. Raja**- berkuasa mutlak<br>**4. Ritual**- diperkukuh dengan upacara ritual<br>**5. Brahmin**- penasihat<br>**6. Ksyatria**- pemerintah tertinggi dan dominan<br>**7. Chandragupta**- membentuk empayar Maurya<br>**8. Mengubah**- mengubah status raja kepada maharaja<br>**9. Empayar Maurya**- meiputi kawasan dari Teuk Benggala hingga ke Pergunungan Hindu Kush<br>**10. Pataliputra**- ibu kota<br>**11. Asoka**- zaman kegemilangan Dinasti Maurya<br>**12. Tamat**- kejayaan Asoka menamatkan perang saudara<br>**13.Kalinga**- selepas Perang Kalinga, ditekankan kedamaian dan kemajuan sosial<br>**14. Buddha**- penaklukan melalui penyebaran agama Buddha<br>**15.Birokrasi**- membentuk birokrasi pentadbiran untuk menjalankan pemerintahnnya. | **1. Perluasan kuasa-** mengubah sistem pemerintahan feudal kepada pemerintahan berpusat<br>**2. Dinasti Chin-** melahirkan empayar semasa Dinasti Chin<br>**3. Konsep-**konsep raja ditukar kepada maharaja<br>**4. Birokrasi awam-** membentuk sistem pentadbiran atau birokrasi awam yang terdiri daripada pegawai yang dilantik oleh maharaja<br>**5. Hon Kao Tsu-** jawatankuasa dalam perkhidmatan awam yang berkuasa melantik rakyat sebagai pegawai<br>**6. Peperiksaan awam-** diasaskan pada pencapaian dalam peperiksaan awam<br>**7. Dinasti Han-** diwujudkan pada zaman Dinasti Han<br>**8. Shih Huang Ti-** tokoh penting |

| CIRI-CIRI | TAMADUN YUNANI | TAMADUN ROM | TAMADUN INDIA | TAMADUN CHINA |
|---|---|---|---|---|
| **2. PERUNDANGAN [ms46]** | **1. Dewan Perhimpunan-** menggubal undang-undang<br>**2. Republik-** kepentingan undang-undang diutarakan oleh Plato dalam bukunya Republic<br>**3. Plato-** menurut Plato, negara harus diperintah oleh ahli falsafah kerana mereka cekap, terbaik, dan berupaya menggubal undang-undang | **1. Hukum Kanun 12**- undang-undang Rom pertama yang dupahat pada kayu (Papan Dua Belas)<br>**2. Maharaja Justinian**- bertindak mengumpulkan, menyatukan dan membukukan undang-undang<br>**3. Kod Undang-undang Rom-** melahirkan Kod Undang-Undang Rom<br>**4. 3 Cabang**- undang-undang sivil, undang-undang rakyat dan undang-undang natural<br>**5. Prinsip:**<br>**i. Sama**- semua manusia sama disisi undang-undang<br>**ii. Bersalah**- seseorang tidak bersalah sehingga terbukti bersalah<br>**iii. Adil**- keadilan terhadap setiap individu<br>**iv. Bukti**- hukuman berasaskan bukti yang cukup | **1. Perundangan-** perundangan penting untuk melihat perjalanan kerajaan serta keberkesanan pentadbiran<br>**2. Dharma Sastra-** dianggap kitab undang-undang Hindu paling tua<br>**3. Raja-** raja menjadi tonggak negara<br>**4. Tanggungjawab-** raja dipertanggungjawabkan untuk memelihara kesucian dan kedaulatan undang-undang<br>**5. Kesalahan-** segala kesalahan yang dilakukan akan dikenakan tindakan atau denda<br>**6. Brahmin-** golongan yang dominan kerana mahir tentang hokum-hakam agama<br>**7. Titah-** undang-undang maharaja disampaikan sebagai titah dan perintah diraja<br>**8. Diukir-** segala titah itu diukir pada tinag batu yang didirikan di tepi jalan supaya dapat dibaca oleh rakyat<br>**9. Tiang Asoka-** tiang ini didirikan pada zaman pemerintahan Asoka<br>**i. Bapa-** raja atau pemerintah diumpamakan bapa oleh masyarakatnya<br>**ii. Larangan-** larangan terhadap penyembelihan haiwan walaupun dalam upacara korban<br>**10. Kesejahteraan-** pemerintahannya adil kerana berpegang kepada konsep kesejahteraan rakyat | **1. 2 Prinsip-**hukuman berat dan bercorak kolektif<br>**2. Legalisme-** berteraskan falsagah legalisme<br>**3. Han Fei Tzu-** digubal dan diperkenalkan oleh Han Fei Tzu<br>**4. Tegas-** undang-undang tegas dan kukuh dapat mengawal tingkah laku manusia<br>**5. Belas kasihan-** dalam menjalankan undang-undang tidak harus wujud rasa belas kasihan<br>**6. Dipelihara-** undang-undang dan penguatkuasaannya harus dipelihara tidak kira dalam apa jua keadaan<br>**7. Membendung-** perlu untuk membendung tindakan liar manusia<br>**8. Raja-** raja mesti memiliki kuasa yang utuh<br>**9. Bertentangan-** undang-undang ini bertentangan dengan ajaran Confucius<br>**10. Confucius-** menekankan keperluan raja mempunyai pekerti yang baik dan menjaga keharmonian manusia serta masyarakat. |

| CIRI-CIRI | TAMADUN YUNANI | TAMADUN ROM | TAMADUN INDIA | TAMADUN CHINA |
|---|---|---|---|---|
| 3. PERLUASAN KUASA [ms 48] | **1. Philip II-** kerajaan Macedonia dan Yunani telah disatukan<br>**2. Alexander-** berjaya meluaskan jajahan takluk ke Parsi, Mesir, Turkistan dan Samarkand<br>**3. Hellenistik-** menyebarkan kebudayaan Hellenistik yang menggabungkan kebudayaan Yunani, Parsi dan timur yang lain<br>**4. Tersebar-** kebudayaan ini tersebar dari kota-kota utama seperti Syracuse, Iskandariah dan Antioch<br>**5. Berakhir-** empayar Yunani berakhir dengan kematian Alexander dan kemunculan Rom. | **1. Augustus-** zaman perluasan kuasa Rom berlaku pada zaman pemeintahan Augustus Caesar<br>**2. Warisan-** mewajibkan system pemerintahan warisan<br>**3. Empayar Rom-** empayar Rom terdiri dari Britain, Sepanyol, kawasan Sungai Rhine. Danube, Laut Hitam, Pergunungan Atlas, Afrika Utara, Macedonia, sebahagian Turki dan Palestin. | **1. Chandragupta-** bermula perluasan kuasa yang besar dalam Dinasti Maurya<br>**2. Tentera-** pasukan tenteranya besar (600 ekor gajah, 1000 orang tentera berkuda, 10,000 orang infantri)<br>**3. Menguasai-** menguasai seluruh India Utara, menakluk Punjab, menewaskan Seleceus<br>**4. Bindusara-** meluaskan empayar ke Mysore<br>**5. Asoka-** mengubah kaedah perluasan kuasa<br>**6. Tidak-** tidak menekankan kekuatan ketenteraan sebagai asas untuk mempeluaskan kuasa<br>**7. Lembut-** dasar yang lebih lembut dan terbuka<br>**8. Buddha-** member penenkanan kepada agama Buddha<br>**9. Takluk-** menakluk seluruh India<br>**10. Kalinga-** berlaku akibat kemenangan Asoka ke atas Kalanga dalam Perang Kalinga | **1. Dinasti Chin-** perluasan kuasa melahirkan empayar pada zaman Dinasti Chin<br>**2. Shih Huang Ti-** berjaya menyatukan seluruh kerajaan kecil di China<br>**3. Autokratik-** memerintah secara autokratik iaitu tegas dan mutlak<br>**4. Hapus** – mengahapuskan kuasa golongan bangsawan dengan melantik gabenor ddan panglima tentera untuk mentadbir<br>**5. Tembok Besar China-** bagi mempertahankan empayar China daripada serangan orang gasar<br>**i.dibina-** oleh Maharaja Shih Huang Ti<br>**ii. panjang-** 50000 km<br>**iii. lebar-** 4.5 – 9 m<br>**iv. tinggi-** 7.5 m<br>**v. fungsi-** untuk mempertahankan wilayahnya daripada serangan orang Hun (nomad)<br>**vi. tenaga-** menggunakan 30,000 tenaga kerja |

| CIRI-CIRI | TAMADUN YUNANI | TAMADUN ROM | TAMADUN INDIA | TAMADUN CHINA |
|---|---|---|---|---|
| **4. PENINGKATAN EKONOMI [ms 50]** | **1. Perdagangan-** tumpuan kepada aktiviti perdagangan<br>**2. Muka bumi-** muka buminya bergunung-ganang dan tidak sesuai untuk pertanian<br>**3. Jalan laut-** peningkatan yang tinggi dalam perdagangan dengan kawasan luar melalui jalan laut<br>**4. Pesisir pantai-** pada permulaan perdagangan hanya di pesisir pantai<br>**5. Kurang tanah-** akibat kekurangan tanah untuk pertanian, Athens dan Corinth menghadapi masalah kekurangan makanan<br>**6. Makanan luar-** terpaksa mendapatkan bahan makanan dari luar<br>**7. Athens-** mendapatkan bekalan makanan dari kawasan selatan dan Laut Hitam<br>**8. Pusat-** Athens menjadi pusat pengumpulan barang keperluan yang datang dari timur | **1. Cukai-** kegiatan perdagangan dikenakan cukai yang menyebabkan kenaikan harga barang<br>**2. Berpindah-** kesannya ramai rakyat Yunani berpindah ke tempat-tempat lain seperti Alexandria pada Zaman Graeco-Rom<br>**3. Zaman Graeco-Rom:**<br>**i. Hellenestik-** dikenali juga sebagai Zaman Hellenistik<br>**ii. Penyerapan-** penyerapan budaya Greek ke dalam masyarakat Rom | **1. Perdagangan-** aktiviti perdagangan sangat pesat<br>**2. Dalaman-** perdagangan dalaman antara kawasan-kawasan di dalam wilayah India<br>**3. Luar-** perdagangan luar<br>**4. Pusat-** pusat perdagangan yang penting seperti Anga, Kalinga dan Karusa<br>**5. Hubungan luar-** hubungan perdagangan dengan negara luar seperti dengan Macedonia, Sri Lanka, rantau Asia Tengah dan Asia Tenggara<br>**6. Pelabuhan penting-** seperti Tamralipti(timur),Cambay (barat)<br>**7. Sresthin-** persatuan perdagangan dan perusahaan<br>**8. Jenis persatuan-** persatuan tukang kayu, tukang logam, tukang kulit.<br>**9. Matlamat-** mengawal harga, kualiti barangan dan gaji pekerja<br>**10. Undang-undang-** digubal untuk mengawal persatuan dan pelaksanaannya diawasi oleh raja.<br>**11. Mata wang-** sebagai medium jual beli<br>**12. Emas-** pada Zaman Gupta, bentuk mata wang emas (Dinara) digunakan<br>**13. Perusahaan-** pengeluaran tekstil, kain kapas dan sutera<br>**14. Sutera-** perusahaan membuat sutera berpusat di Bengal dan Benares<br>**15. Tujuan cukai-** untuk menyara anggota tentera, pentadbir dan raja<br>**16. Maritim-** wujud perdagangan maritim dengan Alam Melayu, Rom dan Sri Lanka. | **1. Dinasti Shang-** berlaku peningkatan ekonomi<br>**2.Kemajuan-** dalam pertanian, perdagangan dalam negeri dan maritim, perusahaan dan pembentukan persatuan perniagaan<br>**3. Dinasti Han:**<br>**4.Tenggala-** tenggala diperkenalkan untuk membuat batas tanaman<br>**5.Kolar kuda-** untuk menarik tenggala kayu, kereta kuda, kereta sorong beroda, dan penyisir tanah<br>**6. Penanaman Bergilir-** untuk menjaga kesuburan tanah<br>**7. Teres** – kawasan bukit diteres untuk pertanian<br>**8. Pengairan-** terusan digunakan untuk memperoleh sumber air dalam pertanian terkawal<br>**9. Banjir-** untuk mengawal banjir<br>**10. Logam-** perusahaan logam dan tembikar<br>**11. Luar** – hasil perusahaan didagangkan ke Alam Melayu, India, Timur Tengah dan Barat<br>**12. Jalan**- melalui jalan darat (Jalan Sutera Darat dan jalan laut.<br>**13. Dalam** – juga didagangkan di dalam negeri China<br>**14. Persatuan** – muncul persatuan perdagangan yang melahirkan kelas pertengahan<br>**15. Perhubungan**- perkembangan system perhubungan seperti jalan raya dan jambatan<br>**16. Alat pengangkutan** - kereta kuda dan kereta lembu. |

| CIRI-CIRI | TAMADUN YUNANI | TAMADUN ROM | TAMADUN INDIA | TAMADUN CHINA |
|---|---|---|---|---|
| **5. PENINGKATAN SOSIAL**<br>**i. Pendidikan [ms 53]** | **1. Athens-** pendidikan bertujuan untuk melahirkan manusia yang seimbang pencapaiannya dari sudut rohani dan jasmani<br>**2. Cemerlang-** manusia yang cemerlang ialah manusia yang dapat memenuhi tuntutan mental dan fizikal<br>**3. Kesejahteraan-** hanya manusia yang cemerlang yang dianggap dapat memberikan sumbangan kepada kesejahteraan kehidupan manusia<br>**4. Contoh-** menitikberatkan pendidikan, sukan, muzik, kesusasteraan, seni berpidato, membaca, menghafal dan menulis<br>**5. Sparta-** matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan warganegara tentera yang sempurna, gagah dan setia kepada negara kotanya<br>**6. Fizikal-** mementingkan latihan fizikal dan<br>**7. Senjata-** kemahiran menggunakan senjata<br>**8. Sekolah falsafah-** banyak sekolah falsafah berkembang di negara kota seperti Athens, Thebes, Elea dan Miletus<br>**9. Pusat-** Athens dikenali sebagai pusat cendekiawan Yunani<br>**10. Sejarawan-** seperti Thucydides dan Herodutus<br>**11. Pemikir-** dalam bidang sains dan teknologi seperti Thales, Anaximander, Heraclitus dan Anaxagaros | **1. Praktikal-** pendidikan amat menekankan aplikasi ilmu yang praktikal dan semangat setia kepada Rom<br>**2. Infrastruktur-** menyediakan infrastuktur dan kemudahan awam<br>**3. Yunani-** banyak mengambil dan menyerap unsure dairpada Yunani<br>**4. Jurutera-** melahirkan jurutera yang dapat membina sistem pengairan, bangunan dan jalan raya<br>**5. Lahir-** pusat pendidikan ini juga dapat melahirkan ahli falsafah dan sejarawan yang telah menulis tentang sejarah kegemilangan Rom | **1. Zaman Vedik-** peningkatan dalam bidang pendidikan bermula pada Zaman Vedik<br>**2. Hindu-** mementingkan keagamaan dan berteraskan agama Hindu<br>**3. Lelaki-** didomonasi oleh kaum lelaki<br>**4. Wanita-** tidak mempunyai ruang untuk menerima pendidikan<br>**5. Kitab veda-** pembelajaran kitab-kitab veda<br>**6. Bahasa Sanskrit-** medium pengajaran yang penting<br>**7. Hafalan-** kaedah yang digunakan untuk mendalami kitab-kitab veda<br>**8. Tumpuan-** tumpuan pendididkan ialag agama<br>**9. Kolej Brahman-** pendidikan tinggi diberikan di Kolej Brahman<br>**10. Nalanda-** university agama Buddha<br>**11. Brahmin-** harus menghafal pelbagai buku agama khususnya veda<br>**12. Ilmu sains-** harus mempelajari karya saintifik dan falsafah untuk meningkatkan ilmu sains<br>**13. Tujuan-** pendidikan bertujuan untuk menambahkan ilmu, mengatasi buta huruf dan mendapatkan jawatan dalam pemerintahan | **1. Matlamat-** matlamat utama pendidikan adalah untuk lulus peperiksaan awam kerajaan<br>**2. 3 peringkat:**<br>**i. rendah-**mengenal dan menghafal tulisan ideogram dan 9 buah buku suci tanpa memahami maknanya<br>**ii. menengah-** karangan dan sastera<br>**iii. tinggi-**menterjemah buku suci<br>**3. Pentadbiran-**pendidikan menjurus kepada kepentingan untuk pentadbiran<br>**4. Peperiksaan Awam China:**<br>**3 tahap:**<br>**i.** Hsiu Tai<br>**ii.** Chun-Jen<br>**iii.** Chin Shih<br>**Setaraf:**<br>**i.** ijazah pertama<br>**ii.** sarjana<br>**iii.**doktor falsafah<br>**Tempat peperiksaan:**<br>**i.** daerah<br>**ii.** ibu kota daerah<br>**iii.** ibu kota empayar yang bertempat di istana iaitu di hadapan maharaja<br>**Kelulusan:**<br>**i.** menjadi pegawai kerajaan<br>**iii.** pendidik<br>**Tempoh:**<br>**i.** 3 tahun 2 kali<br>**ii.** 3 tahun sekali<br>**iii.** 3 tahun sekali<br>**Tertua**- sistem peperiksaan tertua di dunia |

| | TAMADUN YUNANI | TAMADUN ROM | TAMADUN INDIA | TAMADUN CHINA |
|---|---|---|---|---|
| **ii. Falsafah [ms55]** | **1. Ahli Falsafah-** manusia yang menggunakan akal untuk berfikir secara berterusan<br>**2. Persoalan-** bagi mencari jawapan yang logik dan rasional terhadap persoalan yang berkaitan dengan kehidupan harian dan alam<br>**3. Herodutus-** ahli falsafah dan sejarah terulung<br>**Karya** – History of Persian Wars<br>**Gelaran** - Bapa Sejarah<br>**4. Thucydides-** Pengasas Sejarah Saintifik<br>**Karya-** History of the Peloponnesian War<br>**Pendekatan-** penulisan sejarah yang berteraskan penyelidikan<br>**5. Socrates-** Bapa Falsafah Barat<br>**Soal jawab-** pakar dalam perbincangan melalui kaedah soal jawab<br>**Mencari-** berusaha mencari unsur-unsur dalam kehidupan dan masyarakat bahagia<br>**Tuduh-** dituduh merosakkanpemikiran masyarakat dan telah dihukum bunuh dengan cara meminum racun<br>**6. Plato-** pengikut Socrates<br>**Sedar-** menyedarkan masyarakat tentang perkara asas dalam falsafah Socates<br>**Persoalan-** persoalan tentang manusia dan masyarakat<br>**Sempurna-** masyaakat yang sempurna merupakan masyarakat yang diperintah oleh ahli falsafah<br>**Akademi-** mengasaskan akademi falsafah di Athens<br>**Republic** – sesebuah masyaakat dan negara paling baik diperintah oleh ilmuwan dan ahli falsafah<br>**7. Aristotle-** murid Plato dan ahli falsafah yang berpengaruh<br>**Mendalami-** mendalami bidang sains dan falsafah<br>**Penerbitan-** hasil penebitannya mengandungi ilmu logik, metafizik, etika, politik, fizik, sains tabii,astronomi, dan geologi<br>**Membaiki dunia-** falsafahnya ialah untuk membaiki dunia<br>Karya- Politics; cara berfikir yang teratur | **1. Yunani-** banyak mengambil falsafah daipada Yunani<br>**2. Stoisisme-** diasaskan daripada falsafah stoic atau stoisisme<br>**3. Alam-** mengajar bahawa kebahagiaan hidup manusia dan nasib seseorang bergantung pada hubungannya dengan alam<br>**4. Adil** – menekankan keadilan, tanggungjawab, keberanian dan peri kemanusiaan<br>**5. Rasional-** mengajar manusia untuk berfikir secara rasional<br>**5. Ingin tahu-** mengamalkan semangat ingin tahu | **1. 2 bentuk-** dua bentuk pemikiran yang besar<br>i. bersumberkan kitab veda<br>ii. menolak kitab veda<br>**2. Kitab veda-** Rig Veda, Yajur Veda, Sama Veda, Atharva Veda<br>**Sumber** – Upanishad, Mahabharata, Bhagavad Gita<br>**3. Bukan veda-** bersumberkan Carvaka, Jainisme dan Buddhisme | **1. Manusia-** penekanan kepada hal berkaitan manusia iaitu hubungan manusia dengan manusia lain<br>**2. Sumber-** Kung-fu Tze (Confucius), Lao Tze, Taoisme dan Mo Tzu<br>**3. Mo Tzu-** Motze (Mencius)<br>**4. Menolak-** menolak beberapa ajaan dalam Confucianisme dan memikirkan caa hendak melahirkan masyarakat dan politik baik<br>**5. Alam sekitar-** berpendapat manusia berakhlak baik dan manusia menjadi sebaliknya kerana pengaruh alam sekitar<br>**6. Legalisme-** hanya undang-undang dapat mewujudkan nilai baik dan k etertiban masyarakat<br>**7. Confucianisme-** menekankan keperimanusiaan dan maruah diri<br>**Sopan** – mengutamakan kesopanan dan k esusilaan<br>**Baik** – hubungan baiak sesama manusia<br>**9. Taoisme-** menegaskan konsep keperluan menjaga keharmonian antara manusia dengan alam dan masyarakat |

| CIRI-CIRI | TAMADUN YUNANI | TAMADUN ROM | TAMADUN INDIA | TAMADUN CHINA |
|---|---|---|---|---|
| **iii. Sains dan Teknologi [ms 57]** | **1. Thales-** tokoh matematik Yunani yang mengembangkan ilmu geometri Mesir Purba<br>**2. Pythagoras-** memperkenalkan Teorem Pythagoras yang mengembangkan ilmu geometri Mesir Purba dan Babylon<br>**Mempelajari-** mempelajari matematik Mesir dan Babylon<br>**Mengasaskan-** mengasaskan gerakan saintifik dan bergelar Pythagorean<br>**3. Hippocrates-** Bapa Perubatan<br>**Moden-** profesion perubatan moden iaitu Sumpah Hippocrates<br>**Anatomi-** pakar dalam bidang anatomi<br>**4. Archimedes-** ahli matematik dan fizik<br>**Teori-** teori isi padu air dan graviti<br>**5. Ptolemy-** tokoh utama dalam bidang astronomi Yunani<br>**6. Sistem angka** – herodianic dan ionic<br>**7. Ilmu pelayaran** – meningkat dengan penciptaan layar yang lebih kuat dan perahu yang lebih besar | **1. Boethius-** ahli matematik<br>**Kait-** mengaitkan matematik dengan muzik, geometri dan astronomi<br>**2. Ilmu pelayaran** – meningkat dengan penciptaan layar yang lebih kuat dan perahu yang lebih besar<br>**3. Perahu layar –** penciptaan perahu layar meningkatkan aktiviti perdagangan laut dan menjadi alat pengangkutan penting dalam peperangan | **1. Pengetahuan Vedik-** sains dan teknologi ialah cabang pengetahuan vedik<br>**2. Rig Veda-** pengetahuan tentang astronomi<br>**3. Zaman Gupta-** ilmu matematik berkembang pesat<br>**4. Geometri-** mengetahui tentang konsep geometri<br>**5. Sistem nombor-** memperkenalkan system nombor iaitu angka Brahmin dan Kharosti<br>**6. Yoga-** ilmu perubatan berkembang disebabkan kecenderungan masyarakat dalam fisiologi kerana kaitannya dengan yoga<br>**7. Ilmu pelayaran** – meningkat dengan penciptaan layar yang lebih kuat dan perahu yang lebih besar | **1. Astronomi-** ilmu sains negara<br>**2. 2 Kuasa –** konsep keseimbangan antara dua kuasa iaitu Yin (kuasa aktif) dan Yang (kuasa pasif)<br>**3. Kertas** – penciptaan teknologi membuat kertas<br>**Pulpa** – campuran bahan mentah seperti rami, buluh dan sayur-sayuran yang dicincang dan dijadikan pulpa yang diratakan, dituskan dan dikeringkan dalam kepingan yang tipis.<br>**4. Lain** – penciptaan tembikar, layar perahun dan kapal |

| CIRI-CIRI | TAMADUN YUNANI | TAMADUN ROM | TAMADUN INDIA | TAMADUN CHINA |
|---|---|---|---|---|
| iv. Seni bina [ms59] | **1. Acropolis-** pusat pentadbiran dan ibu negeri di Athens<br>**Binaan menarik-** seperti rumah berhala, teater dan parthenon<br>**Tujuan-** tujuan keagamaan dan pusat kegiatan<br><br>**2. Parthenon-** rumah berhala untuk Dewi Athena<br>**Tujuan-** untuk mengingati kejayaan membebaskan diri daripada kuasa Persia<br><br>**3. Pantheon-** binaan berbentuk kubah yang terbesar di dunia<br>**Fungsi-** tempat memuja dan menyimpan patung dewa dan tempat menjalankan kerja awam | **1. Aqueduct-** bekalan air<br>**Sumber-** sumber bekalan air dari gunung<br>**Marcia-** aqueduct paling panjang di Marcia<br>**Teknologi-** berasaskan sistem graviti<br><br>**2. Colloseum-** berbentuk kubah<br>**Fungsi** – tempat pahlawan bertarung dan sebagai teater | **1. Stupa Besar-** tujuan keagamaan<br><br>**2. Great Bath-** binaan yang sangat baik dan lengkap<br><br>**3. Kompleks kuil:**<br>**i. di Gua Ajanta-** mempunyai 20 buah kuil<br>**ii. di Gua Ellora-** mempunyai 28 buah kuil-gua<br><br>**4. Menara-** pelbagai bentuk seperti kon, kubah dan pagoda | **1. Tembok Besar China-** untuk pertahanan sepanjang 1500 batu dari Kansu ke Peking<br>**2. Bandar purba** – Changan, Anyang, Peking dan Loyang dengan rekaan yang mempunyai tembok batu<br>**3. Bandar lain** – tembok di kawasan bandar dibuat daripada tanah liat dan batu bata<br>**4. Kampung-** tembok di kampung dibina daripada tanah lumpur<br>**5. Setiap tembok-** terdapat pintu gerbang yang dikelilingi oleh parit yang besar dan menara<br>**5. Kota Larangan-** kawasan di dalam tembok menempatkan kediaman maharaja seperti Kota Larangan<br>**6. Istana** – mempunyai banyak dewan dan taman<br>**7. Dewan** – berfungsi sebagai balai penghadapan, tempat hukuman, keraian dan perjumpaan.<br>**8. Kuil –** terdiri daripada beberapa buah bangunan<br>**9. Fungsi** – merangkumi tempat tinggal, ruang tetamu dan pusat pemujaan<br>**10. Pagoda** – berbentuk meninggi sehingga 15 tingkat<br>**11. Bentuk** – oktagon atau segi empat sama<br>**12. Lain** – pintu gerbang, tembok dan jambatan |

| CIRI-CIRI | TAMADUN YUNANI | TAMADUN ROM | TAMADUN INDIA | TAMADUN CHINA |
|---|---|---|---|---|
| v. Bahasa dan Kesusasteraan [ms61] | **1. Bahasa Yunani-** digunakan di wilayah dalam Yunani dan kawasan takluk Alexander the Great<br><br>**2. Tokoh Sastera:**<br>**i. Hesiod-** penyair dan menulis dua buah buku puisi iaitu *Theology* dan *Works and Days.*<br>**ii. Homer-** menghasilkan dua buah epik iaitu *Iliad* dan *Odyssey*<br><br>**3. Tulisan orang Phoenecia-** tulisan yang diwarisi hari ini<br>**Vokal-** ditamabah huruf vokal | **1. Bahasa Latin-**digunakan secara meluas semasa pemerintahan empayar Rom<br><br>**2. Penulis dan penyajak-** Cicero dan Virgil<br><br>**3. Patriotisme-** kesusasteraan Rom bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotisme<br><br>**4. Augustus-** sastera Rom mencapai zaman kegemilangannya<br><br>**5. Tulisan Rom-** tulisan phoenecia diubahsuai oleh orang Rom<br>**Sebar-** tersebar ke Barat hingga Asia Tenggara dalam bentuk tulisan rumi | **1. 2 kelompok:**<br>**i. Dravidia:**<br>**Lokasi-** selatan India<br>**Bahasa-** Telegu, Malayalam, Kannada<br>**ii. Indo-Arya:**<br>**Bahasa dasar-** bahasa Sanskrit<br>**Lahir-** bahasa Hindi, Udu, Punjabi, Kasmiri<br><br>**2. Zaman Vedik-** bahasa utamanya ialah bahasa Sanskrit<br><br>**3. Bentuk sastera-** bentuk vedik, epik dan sajak<br><br>**4. Sastera agama Hindu dan Buddha :**<br>**i. Mahabharata-** menceritakan peperangan antara dua tentera iaitu yang baik dan jahat<br>**ii. Ramayana-** cerita inkarnasi Dewa Vishnu sebagai Rama dan pergaduhannya dengan raja Sri Lanka yang melarikan isterinya Sita.<br><br>**5. Bahasa persuratan-** bahasa Sanskrit | **1. 7 dialek-** Mandarin, Wu, Hunanis, Kiangsi, Hakka, Kantonis dan Fukien<br><br>**2. Peningkatan-** peningkatan sastera kerana sokongan pihak kerajaan<br><br>**3. Dinasti Han :**<br>**Ssu-ma Chien-** bidang sastera prosa dengan karyanya *Shih Chi*<br>**cerita-** menceritakan sosial, sejarah, kerajaan, pemimpin, dan beberapa aspek ilmu perubatan<br><br>**4. Dinasti Tang –** dalam bidang puisi, muncul tokoh penting iaitu Tu Fu, Li Po dan Po Chu-I<br><br>**5. Sajak dan cerpen:**<br>**Terpelajar-** seseorang yang terpelajar harus mampu bersajak untuk melahirkan pengetahuan dan pemikirannya |

| CIRI-CIRI | TAMADUN YUNANI | TAMADUN ROM | TAMADUN INDIA | TAMADUN CHINA |
|---|---|---|---|---|
| vi. Sistem Sosial [ms62] | **1. Athens- 3 kumpulan:**<br>**i. Warganegara-** mempunyai hak dalam politik negara<br>**ii. Bukan warganegara-** tiada hak ini<br>**iii. Hamba-** tiada hak ini<br><br>**2. Sparta- 3 kelas sosial**<br>**i.** warganegara Sparta tulen<br>**ii.** para pekerja, artisan dan pedagang<br>**iii.** Helot yang mengusahakan tanah dan merupakan golongan majoriti | **1. 3 lapisan:**<br>**i. Warganegara-** orang Rom<br>**ii. Bukan warganegara-** penduduk yang ditakluki<br>**iii. Hamba** | **1. 4 kasta utama:**<br>**i.** Brahmin<br>**ii.** Ksyatria<br>**iii.** Vaisya<br>**iv.**Sudra<br>**Contoh syarat-**<br>i. seseorang lelaki tidak boleh mengahwini wanita daripada daripada kasta yang berbeza<br>ii. tidak boleh bercampur gaul dengan ahli kasta yang berbeza | **1. 3 kelas utama:**<br>**i. Atasan-** lapisan pentadbir seperti maharaja, keluarganya, pegawai bangsawan dan sida-sida<br>**ii. Rakyat bawahan-** golongan petani dan artisan<br>**iii. Hamba**<br><br>**2. Confucius-** 4 kelas<br>**i.** sarjana- pegawai kerajaan yang bependidikan<br>**ii.** petani – tulang belakang ekonomi China<br>**iii.** tukang<br>**iv.** pedagang<br><br>**3. Tukar kelas-** setiap individu boleh menukar kelasnya kepada kedudukan yang lebih baik menerusi pendidikan |

## SUMBANGAN TAMADUN [ms 63]

### TAMADUN YUNANI

1. **Demokrasi-** rakyat terlibat dalam membuat keputusan politik
2. **Rakyat-** rakyat terlibat secara langsung dalam pembentukan kerajaan
3. **Malaysia-** sistem demokrasi berparlimen dengan 3 komponen utama iaitu Badan Pemerintah, Badan Perundangan dan Badan Kehakiman
4. **Pembinaan-** pantheon
5. **Ilmu falsafah –** oleh Aristotle, Socrates dan Plato
6. **Hasil sastera-** Iliad dan Odyssey
7. **Sains dan teknologi –** Teorem Pythagoras dan Teori Archimedes
8. **Sukan Olimpik-** diperkenalkan pada zaman Yunani
9. **Lokasi-** diadakan di Olympia
10. **Tempoh-** empat tahun sekali
11. **Tujuan-** bertujuan menghormati Tuhan Zeus

### TAMADUN ROM

1. **Republik-** pemerintahan dikuasai oleh dua orang konsul
2. **Imbang kuasa-** bertujuan untuk mengimbangkan kuasa
3. **Dewan Senat-** membantu konsul
4. **Dewan Perhimpunan-** membantu Dewan Senat yang diwakili oleh rakyat
5. **Negara-** diamalkan di India, Perancis dan Afika Selatan
6. **Demokrasi-** mengandungi unsure demokrasi kerana rakyatnya terlibat dalam pemilihan ketua Negara iaitu presiden
7. **Falsafah** - Stoisisme
8. **Pembinaan-** aqueduct, colloseum
9. **Bahasa** - Latin

### TAMADUN CHINA

1. **Agama-** Confucianisme dan Taoisme
2. **Falsafah-** legalisme
3. **Pembinaan-** Tembok Besar China, candi, pagoda, kuil
4. **Teknologi-** membuat kertas dan tembikar
5. **Rekod sejarah-** dalam bentuk ensiklopedia, kisah perjalanan dan maklumat geografi
6. **Bahasa-** Sanskit
7. **Sistem pendidikan-** sistem peperiksaan awam

### TAMADUN INDIA

1. **Agama-** Hindu dan Buddha
2. **Hasil sastera-** Mahabharata dan Ramayana
3. **Bahasa-** Sanskrit

# KEMUNCULAN AGAMA DAN AJARAN UTAMA DUNIA

## AGAMA HINDU

1. **Hindu-** perkataan Hindu merujuk masyarakat yang tinggal di Sunagi Sindhu (Indus)
2. **3 fungsi Tuhan:**
3. **i.** Mencipta (Brahman)
4. **ii.** Memelihara (Vishnu)
5. **iii.** Membinasa (Siva)
6. **6 aliran-** Saivisme, Vaishnavisme, Saktham, Ganapathyam, Kaumaram dan Saura
7. **Saingan-** menerima saingan daripada agama Buddha terutama masa pemerintahan Chandragupta Maurya dan Asoka
8. **Gemilang-** kegemilangan agama Hindu pada masa empayar Gupta
9. **Hukum Karma-** bersabit dengan kelakuan manusia semasa hidup dan kelahiran semula selepas mati
10. **Kelahiran-** kelahiran semula bergantung pada Karma
11. **Tujuan hidup-** untuk mencapai Moksya iaitu kebebasan mutlak
12. **Bersatu-** akan bersatu dengan Tuhan dan tidak akan lahir lagi ke dunia

## AGAMA KISTIAN

1. **Pengasas-** Jesus Christ
2. **Hari Natal-** 25 Disember dianggap tarikh lahir Jesus dan diraikan sebagai Hari Natal
3. **Bible-** kitab suci yang terdiri daripada Old Testament dan New Testament
4. **Constantine-** mengiktiraf agama Kristian sebagai satu ajaran yang bebas untuk dipraktikkan oleh masyarakat Rom
5. **Dikecualikan-** individu yang terlibat dengan perancangan dan kegiatan agama dikecualikan daripada kerja berat
6. **Ahad-** dikhaskan sebagi hari untuk melakukan aktiviti agama
7. **Empayar Kristian-** agama Kristian subur pada Zaman Rom

## AGAMA BUDDHA

1. **Pengasas-** Siddharta Gautama
2. **Penentangan-** sebagai satu penentangan golongan Ksyatria terhadap dominasi Brahmin dalam soal agama dan kehidupan
3. **Kebenaran-** system kasta menjadikan masyarakat tidak teratur menyebabkan Gautama Buddha mencari kebenaran
4. **Bodhi-** menemui kebenaran semasa bertapa di bawah pokok bodhi
5. **Sengsara-** kebenaran ini dipercayai akan melepaskan diri manusia daripada kesengsaraan
6. **4 Kebenaran Mulia-**
   - i. Dukka (kebenaran)
   - ii. Samudaya (sebab penderitaan)
   - iii. Nirodha (nafsu yang membawa penderitaan )
   - iv. Marga (cara memadamkan nafsu dan keinginan)
7. **8 Jalan-** kepercayaan, tujuan, pertuturan, perbuatan, hidup, usaha, fikiran dan renungan yang betul
8. **Gemilang-** pada zaman pemerintahan Asoka
9. **Negara-** berkembang ke luar Negara seperti Tibet, Sri Lanka, Asia Tenggara dan China
10. **Pali –** menggunakan bahasa Pali dan kitab

## AGAMA ISLAM

1. **Wahyu-** diwahyukan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. pada 6 Ogos 610M (17 Ramadhan) di Gua Hira'
2. **Tentangan-** oleh orang Quraisy Makkah
3. **Jemputan-** menerima jemputan untuk berhijrah ke Madinah
4. **2 teras:**
   - **i.** **Akidah-**keyakinan seluruh jiwa terhadap keesaan Allah
   - **ii.** **Syariah-** undang-undang yang terkandung dalam al Quran dan al-Sunnah (hadis)
5. **2 rukun-** orang Islam wajib meyakini Rukun Iman dan Rukun Islam

## CONFUCIANISME

1. **Pengasas-** Confucius
2. **Dewa-** ajaran ini dijadikan kepercayaan dan Confucius disembah sebagai salah satu dewa penting
3. **Prinsip moral yang tinggi-**
   - **i.** Ren - perikemanusiaan
   - **ii.** Li - kesusilaan
   - **iii.** Xiao – ketaatan kepada ibu bapa
4. **Pendidikan-** untuk mencapai ketinggian moral, seseorang itu harus mendapat pendidikan

## TAOISME

1. **Pengasas-** Lao Tze
2. **Buku-** buku Tao Te Ching mengandungi idea falsafah Taoisme
3. **Ajaran –** Taoisme berbentuk falsafah tetapi menjadi ajaran berbentuk agama
4. **Konsep Tao-** bermaksud jalan, setiap tindakan ditentukan oleh Tao
5. **Wu-wei-** tidak mengambil sebarang tindakan
6. **Tidak menyetujui-** bahawa manusia boleh mengubah sesuatu ke arah kebaikan

NOOR AZMA SEMAN SAM BB SALAK TINGGI